

# PROTOKOL SARINGAN DAN PENILAIAN UNTUK MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI PEMULIHAN CCRC

WAN SHAHRAZAD BT WAN SULAIMAN, FAUZIAH IBRAHIM, EZARINA ZAKARIA,  
MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN

## 1.1 PENGENALAN

Kepulihan penagihan didefinisikan oleh *Substance Abuse and Mental Health Services Administration* (SAMHSA) sebagai proses perubahan melaluinya individu memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan mereka, hidup dengan mempunyai tujuan, dan berusaha mencapai potensi penuh. Menurut definisi baru ini, terdapat empat dimensi yang “menyokong kehidupan dalam kepulihan” iaitu: (1) Kesihatan – mengurus penyakit sendiri, dan hidup dalam keadaan sihat secara emosi, fizikal dan kewangan (*Managing one’s disease, and living a healthy life emotionally, physically and financially*); (2) Rumah – mewujudkan tempat yang selamat untuk hidup (*Creating a safe and secure place to live*); (3) Tujuan/Makna – turut serta dalam aktiviti-aktiviti harian yang memberikan tujuan/makna seperti aktiviti sukarelawan, sekolah, pekerjaan, menjaga keluarga, serta turut serta dalam masyarakat (*Participate in daily activities that provide a sense of purpose: volunteer, school, job, family caretaking, participate in society*); dan (4) Komuniti – hubungan dan jaringan sosial yang memberi sokongan, kasih sayang, persahabatan dan harapan (*Relationships and social networking that give support, love, friendship, and hope*).

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Membangunkan instrumen *Cure & Care Recovery Index* (CCRI) untuk CCRC dan klien dalam komuniti.
2. Menentukan instrumen CCRI mempunyai kesahan kandungan yang baik.
3. Menentukan instrumen CCRI mempunyai kesahan gagasan melalui kaedah faktor analisis.
4. Menentukan instrumen CCRI mempunyai kebolehpercayaan yang baik.
5. Mencadangkan indeks kepulihan bagi tujuan saringan dan penilaian

## 1.2 METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk survei keratan lintang. Kajian survei akan dilakukan dalam 3 peringkat iaitu kajian rintis, kajian kesahan dan kajian sebenar. Seramai 50 responden dipilih untuk kajian rintis yang bertujuan untuk meneliti kesahan muka instrumen

yang telah dibina. Untuk mengukur kebolehpercayaan serta kesahan alat ujian yang dibina seramai 137 orang responden telah dipilih. Manakala kajian sebenar telah melibatkan 662 responden di mana data yang diperolehi yang meliputi 444 responden dari CCRC dan 218 responden terdiri daripada klien dalam komuniti (Jadual 1).

Jadual 1: Bilangan responden mengikut institusi

<b>Bil</b>	<b>Zon</b>	<b>CCRC/ Komuniti</b>	<b>N</b>
1.	Zon Selatan	CCRC Tiang Dua	54
		AADK Melaka Tengah	48
2.	Zon Timur	CCRC Bachok	90
		CCRC Karak	99
		AADK Kelantan	60
3.	Zon Tengah	CCRC Serendah	97
		AADK Hulu Langat	57
4.	Zon Utara	CCRC Perlop	104
		AADK Ipoh	53
Jumlah			662

Instrumen *Cure & Care Recovery* Indeks (CCRI) ini di bina dengan mengandungi empat dimensi iaitu dimensi kesihatan, kestabilan dan jaminan, penghayatan agama dan keinginan kepulihan, serta pengintegrasian sosial. Dimensi, subdimensi serta bilangan item untuk instrumen ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Skala pengukuran yang digunakan adalah skala *Likert* 4 poin.

Jadual 2: Dimensi, subdimensi dan bilangan item instrumen CCRI

<b>Dimensi</b>	<b>Subdimensi (Bil Item)</b>	<b>Alfa Cronbach</b>
Kesihatan	Kesihatan Fizikal (7)	0.757
	Kawalan Diri (9)	0.790
	Kestabilan Emosi (3)	0.774
Kestabilan dan Jaminan	Jangkaan Jaminan Kewangan (8)	0.841
	Jangkaan Jaminan Pekerjaan & Kediaman (8)	0.830

Keagamaan dan Kepercayaan	Penghayatan Keagamaan(14)	0.919
	Matlamat Hidup (12)	0.900
	Keinginan Kepulihan (6)	0.870
Pengintegrasian Sosial	Keluarga (17)	0.971
	Individu (16)	0.963
	Masyarakat (7)	0.960
	Jumlah = 107	

### 1.3 KAEDAH PENGIRAAN INDEKS

Pengiraan indeks ini telah dilakukan dengan merujuk beberapa kajian indeks iaitu Indeks Belia Malaysia (2011) dan Indeks Kesejahteraan Keluarga (LPPKN 2016). Menggunakan cadangan Indeks Belia Malaysia (2011), skor yang digunakan adalah dalam julat 0-100. Pengiraan indeks akan diselaraskan skor setiap dimensi dalam satu ukuran yang setara, bermula dengan penormalan skor setiap individu kepada skor min seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Bagi mendapatkan skor dimensi dan indeks keseluruhan, setiap indikator dan sub dimensi diberikan pemberat yang sama. Indeks CCRI menggunakan skor 100 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, semakin baik tahap kepulihan responden.

<b>Cadangan Pengiraan Indeks</b>	
• Skor subdimensi:	$\sum_{i=1} \left[ \frac{M1 - Ms}{R} \right] \times 10$
• Skor dimensi:	$\bar{X}_w = \left( \sum \left[ \frac{M1 - Ms}{R} \right] \right) \times 10$
• Skor indeks:	$\bar{X}_{indeks} = \frac{\sum Ms_{domain}}{N_{domain}}$

Rajah 1: Formula pengiraan indeks

Sumber: Indeks Kesejahteraan Keluarga (2016)

Tahap indeks pula ditentukan kepada 4 kategori skor indikator, domain dan indeks seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kategori untuk skor CCRI


Skor Indikator/Domain/Indeks	Kategori
0-25	Belum Pulih
26-50	Kurang Pulih
51-75	Sederhana Pulih
76-100	Pulih

Penetapan indeks ini berdasarkan beberapa alasan:

- i. Kategori ini selaras dengan 4 skala yang digunakan dalam Instrumen CCRI.
- ii. Skor untuk setiap kategori ditentukan dengan mengambil cadangan Indeks Belia Malaysia (2011) apabila tiada pangkalan data (*database*) serta penanda aras (*benchmarking*) sedia ada untuk menentukan tahap kepulihan.
- iii. Kaedah penilaian kepulihan yang diamalkan di CCRC pada masa sekarang adalah menggunakan skala *SOCRATES* apabila klien telah mencapai tahap *Action* dan penilaian prestasi penghuni dalam program yang dinilai oleh Pegawai yang perlu memperoleh skor 75 ke atas (Garis Panduan Penilaian Prestasi Pelatih, AADK).
- iv. Penetapan menggunakan pemberat tidak dapat dilakukan berasaskan kaedah statistik yang perlu ditentukan oleh beberapa siri analisis yang konsisten.
- v. Pengiraan indeks CCRI keseluruhan dengan mengambil skor min keseluruhan dimensi berdasarkan kaedah pengiraan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016.

#### 1.4 KEPUTUSAN PENGIRAAN INDEKS UNTUK CCRC

Kajian sebenar telah dijalankan terhadap 444 orang responden terdiri daripada pelatih-pelatih di CCRC. Umur responden adalah dalam julat 15 tahun hingga 58 tahun dengan min umur 33.18. Responden kajian terdiri daripada responden lelaki iaitu seramai 354 orang (79.7%) dan 90 responden perempuan (20.3%). Taburan responden CCRC bagi setiap tahap adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Taburan responden mengikut tahap kepulihan

Keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 4 pula mendapati Indeks CCRI yang dicatatkan adalah 77.56 pada skor maksimum 100. Daripada tiga dimensi yang telah dikenalpasti, dimensi Keagamaan dan Kepercayaan mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 85.53 diikuti dengan dimensi Jaminan dan Kestabilan (76.71), dan terakhir adalah dimensi Kesihatan (70.44).

Jadual 4: Skor indeks CCRI mengikut dimensi

Dimensi CCRI	Indeks	Tahap
<b>Keseluruhan</b>	<b>77.56</b>	<b>Pulih</b>
Kesihatan	70.44	Sederhana Pulih
Jaminan dan Kestabilan	76.71	Pulih
Keagamaan dan Kepercayaan	85.53	Pulih


Penemuan kajian dalam Jadual 5 melaporkan indeks bagi setiap subdimensi CCRI pada skor maksimum 100. Daripada lapan subdimensi yang telah dikenalpasti, subdimensi Keinginan Kepulihan mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 88.33 diikuti dengan subdimensi Penghayatan Agama (87.75), subdimensi Kawalan Diri (82.81), subdimensi Matlamat Hidup (80.51), subdimensi Jaminan Kewangan (79.06), subdimensi Jangkaan Jaminan Pekerjaan dan Kediaman (74.35), subdimensi Kesihatan Fizikal (74.18), dan subdimensi Kestabilan Emosi (54.20).

Jadual 5: Skor indeks CCRI mengikut subdimensi

Subdimensi CCRI	Indeks	Tahap
Kawalan Diri	82.81	Pulih
Kesihatan Fizikal	74.18	Sederhana Pulih
Kestabilan Emosi	54.20	Sederhana Pulih
Jaminan Kewangan	79.06	Pulih
Jangkaan Jaminan Pekerjaan dan Kediaman	74.35	Sederhana Pulih
Penghayatan Agama	87.75	Pulih
Matlamat Hidup	80.51	Pulih
Keinginan Kepulihan	88.33	Pulih

### 1.5 KEPUTUSAN PENGIRAAN INDEKS KEPULIHAN UNTUK KLIEN DALAM KOMUNITI

Kajian sebenar telah dijalankan terhadap 218 orang responden terdiri daripada klien-klien dalam komuniti. Umur responden adalah dalam julat 18 tahun hingga 61 tahun dengan min umur 35.50. Responden kajian terdiri daripada responden lelaki iaitu seramai 211 orang (96.8%) dan 6 responden perempuan (2.8%). Rajah 3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap kepulihan.



Rajah 3: Taburan responden mengikut tahap kepulihan

Keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 6 pula mendapati Indeks CCRI yang dicatatkan adalah 71.47 pada skor maksimum 100. Daripada empat dimensi yang telah dikenalpasti, dimensi Keagamaan dan Kepercayaan mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 79.01 diikuti

dengan dimensi Pengintegrasian Sosial (71.47), dimensi Kesehatan (67.33), dan terakhir adalah dimensi Kestabilan dan Jaminan (66.17).

Jadual 6: Skor indeks CCRI mengikut dimensi

<b>Dimensi CCRI</b>	<b>Indeks</b>	<b>Tahap</b>
<b>Keseluruhan</b>	<b>71.47</b>	<b>Sederhana Pulih</b>
Kesehatan	67.33	Sederhana Pulih
Jaminan dan Kestabilan	66.17	Sederhana Pulih
Keagamaan dan Kepercayaan	79.01	Pulih
Pengintegrasian Sosial	71.47	Sederhana Pulih

Penemuan kajian dalam Jadual 7 melaporkan indeks bagi setiap subdimensi CCRI pada skor maksimum 100. Daripada 11 subdimensi yang telah dikenalpasti, subdimensi Penghayatan Agama mencatatkan skor tertinggi iaitu 82.86 diikuti dengan subdimensi Keinginan Kepulihan (79.41), subdimensi Pengintegrasian Keluarga (76.34), subdimensi Kawalan Diri (75.86), subdimensi Matlamat Hidup (74.75), subdimensi Pengintegrasian Masyarakat (74.16), subdimensi Pengintegrasian Individu (73.00), subdimensi Kesehatan Fizikal (69.59), subdimensi Jaminan Kewangan (67.97), subdimensi Jangkaan Jaminan Pekerjaan dan Kediaman (64.37) dan terakhir adalah subdimensi Kestabilan Emosi (56.52).

Jadual 7: Skor indeks CCRI mengikut subdimensi

<b>Subdimensi CCRI</b>	<b>Indeks</b>	<b>Tahap</b>
Kawalan Diri	75.86	Pulih
Kesehatan Fizikal	69.59	Sederhana Pulih
Kestabilan Emosi	56.52	Sederhana Pulih
Jaminan Kewangan	67.97	Sederhana Pulih
Jangkaan Jaminan Pekerjaan dan Kediaman	64.37	Sederhana Pulih
Penghayatan Agama	82.86	Pulih
Matlamat Hidup	74.75	Sederhana Pulih
Keinginan Kepulihan	79.41	Pulih
Pengintegrasian Keluarga	76.34	Pulih
Pengintegrasian Masyarakat	74.16	Sederhana Pulih
Pengintegrasian Individu	73.00	Sederhana Pulih

## 1.6 CADANGAN

Berdasarkan keputusan indeks CCRI yang diperolehi, berikut adalah beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan:

1. Membuat *benchmarking* Indeks CCRI berdasarkan data penilaian pemulihan klien sedia ada dengan menggunakan analisis dokumen dan analisis trend.
2. Pengiraan Indeks CCRI digabung dengan skor URICA/SOCRATES dan penilaian prestasi klien dalam program pemulihan.
3. Indeks CCRI ditadbir selepas 6 bulan menjalani program pemulihan. Jika skor mencapai Indeks Pulih, klien boleh menjalani penyingkatan tempoh.
4. Klien yang tidak mencapai skor Indeks Pulih, disarankan program pemulihan menumpukan dimensi/subdimensi yang masih memperoleh skor rendah.
5. Menilai semula modul untuk meningkatkan skor dan indeks dimensi kesihatan terutamanya kestabilan emosi.
6. Meneliti program-program untuk klien dalam komuniti untuk meningkatkan indeks kepulihan.

## 1.7 KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya membina instrumen *Cure and Care Recovery Index* (CCRI) untuk digunakan dalam proses saringan bagi menentukan tahap kepulihan klien di CCRC dan klien dalam komuniti. Instrumen yang dibangunkan ini didapati mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Pengiraan indeks telah dilakukan dengan keputusan keseluruhan mendapati indeks kepulihan bagi klien di CCRC adalah 77.56 yang dikategorikan dalam tahap Pulih manakala indeks kepulihan bagi klien dalam komuniti adalah 71.47 yang dikategorikan dalam tahap Sederhana Pulih.



## **RUJUKAN**

Indeks Belia Malaysia. 2011. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

LPPKN. (2016). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.